KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

HRD CORP
HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION

No. Ruj. : (19) PSMB/20/8 kulit
Tarikh: 23 Julai 2021

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 6/2021**

# PENGECUALIAN PEMBAYARAN LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA UNTUK BULAN JULAI DAN OGOS 2021 KEPADA MAJIKAN DI BAWAH INDUSTRI YANG TERKESAN OLEH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN MULAI 1 JUN 2021

## 1. TUJUAN

1.1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan majikan berdaftar mengenai pengecualian levi Pembangunan Sumber Manusia untuk bulan Julai dan Ogos 2021 bagi industri yang terkesan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah berlangsung semenjak 1 Jun 2021.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1. Pada 28 Jun 2021 yang lalu, dalam ucapan pakej bantuan ekonomi PEMULIH, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pengecualian levi Pembangunan Sumber Manusia untuk bulan Julai dan Ogos 2021. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu meringankan beban majikan dalam menghadapi masalah kewangan, kesan daripada PKP yang dilaksanakan pada 1 Jun 2021.

2.2. Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dengan kuasa di bawah Seksyen 19 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001(Akta 612), telah mengecualikan pembayaran levi Pembangunan Sumber Manusia untuk bulan Julai dan Ogos 2021 kepada majikan berdaftar di bawah industri yang terkesan akibat PKP.

## 3. MAJIKAN YANG LAYAK

3.1. Majikan berdaftar di bawah Human Resource Development Corporation (HRD Corp) adalah layak dikecualikan daripada pembayaran levi kecuali bagi perkhidmatan perlu seperti yang disenaraikan di bawah SOP Fasa 1, Pelan Pemulihan Negara (PPN) bertarikh 9 Julai 2021 seperti dilampirkan di Lampiran 1.

## 4. TEMPOH PENGECUALIAN

4.1. Majikan berdaftar di bawah industri yang dinyatakan di para 3 di atas adalah dikecualikan daripada membayar levi untuk bulan Julai dan Ogos 2021. Majikan diwajibkan membayar semula caruman levi bulan September 2021 selewat-lewatnya pada atau sebelum 15 Oktober 2021.

## 5. PEMBAYARAN LEVI TERTUNGGAK

5.1. Pengecualian ini tidak termasuk pembayaran levi tertunggak. Majikan yang mempunyai tunggakan dalam pembayaran levi hendaklah terus membayar levi tertunggak tersebut dengan secepat mungkin bagi mengelakkan pengenaan faedah yang lebih tinggi.

## 6. PERMOHONAN GERAN LATIHAN

6.1. Walaupun majikan dikecualikan daripada membayar levi bulan Julai dan Ogos 2021, majikan masih layak untuk memohon geran latihan dan menggunakan baki levi yang masih ada dalam akaun masing-masing. Oleh yang demikian, majikan adalah digalakkan untuk memohon geran latihan dan terus menghantar pekerja mereka mengikuti latihan kemahiran.

## 7. PENUTUP

7.1. Untuk sebarang pertanyaan lanjut dan bantuan, sila hubungi Pusat Pelanggan kami di talian 1800 88 4800 atau e-mel ke support@hrdcorp.gov.my / levysupport@hrdcorp.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**Delivering Quality, Developing Excellence**
**Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat**

Yang benar,

..............................................................

**DATUK SHAHUL DAWOOD**
Ketua Eksekutif
Human Resource Development Corporation

# LAMPIRAN 1

## SENARAI PERKHIDMATAN PERLU YANG DIBENARKAN BEROPERASI

### PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 1
TARIKH KEMAS KINI: 9 JULAI 2021

**Aktiviti Dibenarkan**
- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

**Arahan Tetap**
- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU YANG DIBENARKAN BEROPERASI**

1. Makanan dan minuman termasuk untuk haiwan.
2. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet, penjagaan dan klinik haiwan serta perkhidmatan veterinar.
3. Air.
4. Tenaga.
5. Keselamatan (*security and safety)*, pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan.
6. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembetungan.
7. Pengangkutan melalui darat, air atau udara.
8. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggahan, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi.
9. Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran (bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya sahaja).
10. Perbankan, insuran, takaful dan pasaran modal (kapasiti keseluruhan 60% tertakluk SOP Sektor Perkhidmatan Kewangan oleh Bank Negara Malaysia).
11. Kredit komuniti dan pajak gadai.
12. E-dagang dan teknologi maklumat.
13. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan serta pengagihan bahan api dan pelincir
14. Hotel dan penginapan (hanya bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu dan bukan tujuan pelancongan).
15. Pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal.
16. Perkhidmatan perhutanan (terhad kepada penguatkuasaan) dan hidupan liar.
17. Perundangan dan kehakiman.
18. Guaman dan pesuruhjaya sumpah.
19. Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu.

13

### PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 1
TARIKH KEMAS KINI: 9 JULAI 2021

**Aktiviti Dibenarkan**
- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

**Arahan Tetap**
- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**PERKHIDMATAN PERLU MENGIKUT SEKTOR**

**A. Pembuatan (Kapasiti 60% pekerja)**

1. Aeroangkasa (komponen dan *maintenance, repair* and *overhaul* - MRO)
2. Makanan dan minuman
3. Bahan pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan
4. Barang-barang penjagaan diri dan bahan pencuci
5. Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan
6. Barang penjagaan diri, peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran
7. Komponen bagi peranti perubatan
8. Elektrikal dan Elektronik (kepentingan rantaian ekonomi global)
9. Minyak dan gas (*Oil and Gas)* termasuk petrokimia dan produk petrokimia
10. Mesin dan peralatan hanya berkaitan kesihatan dan makanan sahaja
11. Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja
12. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir

14

# PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 1
TARIKH KEMAS KINI: 9 JULAI 2021

**Aktiviti Dibenarkan**
- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

**Arahan Tetap**
- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**PERKHIDMATAN PERLU MENGIKUT SEKTOR**

**B. Pertanian, Perikanan, Penternakan, Perladangan dan Komoditi (Kapasiti Optima)**

1. Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaiannya.
2. Perladangan dan komoditi serta rantaiannya (kelapa sawit, getah, lada dan koko).

**C. Pembinaan**

1. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal.
2. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama.
3. Kerja kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ).
4. Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor G1, G2, G3 dan G4.




# PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 1
TARIKH KEMAS KINI: 9 JULAI 2021

**Aktiviti Dibenarkan**
- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

**Arahan Tetap**
- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**PERKHIDMATAN PERLU MENGIKUT SEKTOR**


**D. Perdagangan Pengedaran**

1. Kompleks membeli belah **DITUTUP** kecuali pasar raya, pasar raya besar dan *departmental stores* **TERMASUK** semua perkhidmatan perlu yang disenaraikan.
2. Pasar raya, pasar raya besar dan *departmental stores.*
3. Kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka dan *mini mart.*
4. Restoran
5. Dobi (termasuk layan diri)
6. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan
7. Kedai cermin mata dan barang optik
8. Kedai *hardware*
9. E-dagang (semua kategori produk)
10. Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja)
11. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti
12. *Other Specialty Retail Stores* (stesen minyak)
13. Kedai telekomunikasi (pusat perkhidmatan pelanggan- wakil sah/ *dealer* syarikat telekomunikasi sahaja)

**E. Lain- Lain**

Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu.

**MANA-MANA AKTIVITI YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM SOP INI ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**